

Kearifan tempatan dalam budaya persembahan tradisional Melayu di negeri Kelantan menurut perspektif hukum syarak

[*Local wisdom in traditional Malay performance culture in Kelantan from the perspective of sharia law*]

Ahmad Hafiz^{1*}, Anuar Ramli¹ & Safwan Harun¹

¹ Jabatan Fiqh & Usul Fiqh, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, Kuala Lumpur .

*Corresponding email: mohdanuar@um.edu.my

ARTICLE INFO

Revised Date: 1 October 2025

Accepted Date: 5 November 2025

Published Date: 31 December 2025

Kata Kunci:

Kearifan Tempatan, Budaya Kelantan, Lokaliti, 'Urf Sahih, 'Urf Fasid

Keywords:

Local Wisdom, Kelantan Culture, Locality, Valid 'Urf, Invalid 'Urf

Abstrak

Kearifan tempatan meliputi tradisi dan amalan yang diamalkan dalam satu tempoh masa yang lama dan pembentukannya dipengaruhi oleh situasi lokaliti tertentu atau komuniti tempatan. Kelangsungan kearifan tempatan ini merupakan refleksi kepada nilai-nilai yang diterapkan oleh sesebuah masyarakat tempatan yang terbentuk melalui proses asimiliasi antara budaya fasa pra Islam dan fasa Islam telah membentuk dua kategori '*urf* iaitu '*urf ṣaḥīḥ*' yang diterima oleh syarak dan '*urf fāsid*' yang bercanggah dengan hukum syarak. Sehubungan dengan itu, kearifan tempatan di negeri Kelantan memerlukan kepada penilaian hukum syarak bagi memastikan ianya benar-benar boleh diamalkan ataupun sebaliknya. Kajian ini dilaksanakan menerusi pendekatan kualitatif sepenuhnya dengan menggunakan kaedah kepustakaan bagi mendapatkan data-data yang diperlukan. Dapatan kajian menunjukkan bahawa kearifan tempatan jelas dizahirkan dalam beberapa aspek kebudayaan di negeri Kelantan sebagaimana yang dapat dilihat dalam aspek jampi, tarian, penampilan atau pakaian, penggunaan prop, bentuk kerjasama yang dijalinan dalam menganjurkan sesebuah majlis budaya persembahan dan pemilihan hari dan lokasi sesebuah persembahan kebudayaan. Secara keseluruhan, beberapa aspek kearifan tempatan dalam budaya persembahan tradisional Melayu perlu diselarakan dengan hukum syarak bagi memastikan kelangsungannya dapat dilestarikan untuk tatapan generasi masa hadapan.

Abstract

Local wisdom encompasses traditions and practices shaped by specific local contexts and sustained over time. Its continuity reflects the values of local communities formed through cultural assimilation between the pre-Islamic and Islamic phases, resulting in two categories of '*urf*': '*urf ṣaḥīḥ*', which is accepted by Sharia law, and '*urf fāsid*', which contradicts it. Accordingly, local wisdom in the state of Kelantan requires evaluation from the perspective of Sharia law to determine its permissibility. This study adopts a qualitative approach using library research methods. The findings reveal that local wisdom is manifested in several cultural aspects in Kelantan, including incantations, dance, attire, the use of props, cooperative practices in organizing cultural performances, as well as the selection of performance dates and venues. Overall, certain aspects of local wisdom in traditional Malay performance culture need to be aligned with sharia law to ensure their sustainability for future generations.

Pengenalan

Kearifan tempatan dalam budaya seni persembahan tradisional Melayu Kelantan lahir daripada pembentukan akulturasi atau asimilasi budaya. Sedia maklum bahawa tanah Melayu ini melalui beberapa fasa peralihan yang boleh dibahagikan kepada fasa pra Islam iaitu era animisme, dinamisme dan Hindu-Buddha dan seterusnya fasa Islam (Hanapi, 2016). Para pendakwah tempatan tidak bertindak menghapuskan kebudayaan yang diwarisi dari era pra Islam tetapi sebaliknya melakukan integrasi budaya (Nasir, 2019) yang akhirnya membentuk kearifan tempatannya yang tersendiri dalam sesebuah budaya persembahan. Kearifan tempatan yang terbentuk melalui proses asimilasi budaya ini telah membentuk dua kategori '*urf*' iaitu '*urf sahīh*' yang diterima oleh syarak dan '*urf fasid*' yang bercanggah dengan hukum syarak (Marinsah, 2017). Sehubungan dengan itu, kearifan tempatan dalam budaya persembahan di negeri Kelantan memerlukan kepada penilaian hukum syarak bagi memastikan ianya benar-benar boleh diamalkan ataupun sebaliknya.

Konsep Kearifan Tempatan

Kearifan tempatan merujuk kepada sesuatu yang diajar, diamalkan dan diwarisi dari satu generasi ke generasi berikutnya. Kearifan tempatan meliputi tradisi dan amalan yang diamalkan dalam satu tempoh masa yang lama dan pembentukannya dipengaruhi oleh situasi lokaliti tertentu atau komuniti tempatan. Kelangsungan kearifan tempatan ini merupakan refleksi kepada nilai-nilai yang diterapkan oleh sesebuah masyarakat tempatan (Wahyu, 2021). Lazimnya, kearifan tempatan ini tidak disedari oleh masyarakat. Ia digunakan bagi menyelesaikan isu-isu yang timbul dalam kalangan masyarakat sama ada isu semasa mahupun isu yang lalu (Setiawan, t.th.).

Kearifan tempatan dikategorikan kepada dua iaitu kearifan tempatan yang nyata (*tangible*) dan kearifan tempatan yang tidak nyata (*intangible*). Kearifan tempatan yang nyata merupakan salah satu bentuk kearifan tempatan yang boleh dilihat, disentuh dan dirasa seperti manuskrip, sistem nilai, prosedur dan perundangan yang didokumentasi, rumah-rumah tradisional, senjata-senjata klasik dan tekstil yang diwarisi secara turun temurun dari satu generasi ke generasi yang lain. Manakala kearifan tempatan yang tidak nyata pula tidak boleh dilihat dalam bentuk yang nyata tetapi ia boleh didengar kerana ia disampaikan secara verbal dari satu generasi ke generasi seterusnya dalam bentuk nasihat, cerita, nyanyian dan sebagainya. Ia mengandungi pengajaran hidup yang dibentuk untuk mengelakkan generasi muda dalam sesebuah penempatan daripada melakukan perkara yang buruk yang boleh membahayakan diri sendiri, komuniti dan persekitaran (Ismelina, 2024; Harmon, 2021).

Kearifan Tempatan dalam Budaya Persembahan Tradisional Melayu di Negeri Kelantan

Kesenian lahir daripada kebudayaan yang dicetuskan oleh sesebuah kelompok manusia. Hal ini kerana setiap kelompok masyarakat memiliki fitrah yang cintakan kepada kesenian yang dapat menggembirakan hati melalui lima pancaindera manusia. (Mohd Zaki, et al., 2024). Terdapat beberapa variasi budaya kesenian Melayu iaitu pertamanya, seni tampak atau seni visual yang merangkumi seni ukiran, seni anyaman, seni tekstil dan lain-lain. Kedua, seni sastera seperti puisi, prosa dan lain-lain. Ketiga, seni persembahan yang meliputi seni suara, seni tari, seni muzik, seni teater dan seni rawatan (Borhan, 2006). Budaya kesenian yang menjadi fokus dalam kertas ini adalah budaya seni persembahan. Beberapa aspek kearifan tempatan yang didapati dalam budaya persembahan tradisional Melayu di negeri Kelantan adalah seperti pada aspek jampi, tarian, penampilan atau pakaian, penggunaan prop, bentuk kerjasama yang dijalinkan dalam menganjurkan sesebuah majlis budaya persembahan dan pemilihan hari serta lokasi sesebuah persembahan. Perincian huraiannya adalah sebagaimana berikut:

i. Aspek jampi

Masyarakat Melayu sudah lama mengamalkan jampi meskipun tidak dapat dipastikan sama ada ia seiring dengan kemunculan era Hindu-Buddha atau sebelum itu lagi pada era animisme (Hamzah et al., 2024). Jampi pada asalnya merupakan salah satu medium untuk berinteraksi dengan makhluk ghaib oleh masyarakat primitif. Ianya lazim dibaca sebelum memulakan apa-apa persembahan tradisional Melayu di negeri Kelantan seperti Mak Yong, Main Puteri dan Wayang Kulit. Hal ini dilakukan bertujuan untuk memujuk makhluk halus supaya tidak mengganggu penggiat-penggiat seni sewaktu persembahan berlangsung (Suan & Kamarul Azlan, 2018; Sweeney, 2020). Walau bagaimanapun, penerimaan Islam yang diterima di rantau alam Melayu ini memberi kesan terhadap upacara jampi yang dipersembahkan dalam persembahan tradisional Melayu Kelantan seperti Main Puteri, Mak Yong dan lain-lain. Jampi berasimilasi dengan budaya Hindu-Buddha akhirnya menampilkan jampi Melayu yang

berasaskan Islam (Hamzah et al., 2024). Ini merupakan salah satu ciri kearifan tempatan yang wujud pada aspek jampi.

ii. Aspek tarian

Masyarakat Melayu dikenali dengan sifat kehalusan dan kesantunannya dalam semua aspek kehidupan termasuklah aspek tarian. Hal ini dapat dilihat menerusi struktur dan estetika yang dipersembahkan khususnya pada posisi sembah. Posisi sembah yang dilakukan bukan bertujuan untuk menyembah sesiapa tetapi ia merupakan salah satu bentuk penghormatan terhadap sultan atau raja yang menonton persembahan. Jika raja tiada, posisi sembah tersebut ditujukan kepada penonton sebagai penghormatan (Nasuruddin, 1994). Penghayatan alam juga boleh didapati dalam tarian tradisional Melayu Kelantan seperti yang dapat dilihat pada posisi tangan gajah lambung belalai dan posisi tangan burung terbang (Nasuruddin, 1994). Bagi menjaga aspek moral dalam tarian Melayu, penari lelaki dan perempuan tidak dibenarkan bercampur gaul (Yusoff, 1985). Dalam budaya persembahan tradisional Melayu Kelantan yang menawarkan rawatan alternatif iaitu Main Puteri, terdapat satu upacara yang dikenali sebagai 'isih angin' di mana kaum keluarga pesakit adalah digalakkan menari bersama pesakit bagi meraikan kesembuhan penyakit yang dialami (Lim & Yusuf, 2019).

iii. Aspek pakaian

Dalam budaya kesenian Mak Yong, seseorang penggiat seni yang memegang watak Pak Yong yang merupakan Raja dalam persembahan tersebut akan mengenakan satu set persalinan Melayu lengkap iaitu sepasang baju Melayu, kain sampin yang diperbuat daripada songket dan berbekalkan sebilah keris yang diselitkan di pinggang serta setanjak yang terdedah pada bahagian tengah kepala. Manakala pakaian bagi watak Mak Yong pula adalah baju kebaya. Rambutnya pula disanggul dan dihias rapi serta dilengkapi dengan pemeleh (mahkota). Peran Tua pula akan memakai pakaian harian seperti baju putih bertengkuk bulat dan berlengan pendek serta semutar. Jelaslah dari sudut aspek pemakaian disini bertepatan dengan nilai-nilai tempatan yang dipakai oleh masyarakat Melayu di negeri Kelantan. (Ishak, 2016 & Jabatan Warisan Negara, t.th.).

iv. Nilai gotong-royong

Gotong royong merupakan salah satu bentuk kearifan tempatan yang mewujudkan persekitaran komuniti yang saling memikul tanggungjawab dan memberikan sokongan antara satu dengan yang lain (Sholehuddin et al., 2025). Ritual budaya persembahan tradisional Melayu di negeri Kelantan terdiri daripada dua kategori. Kategori pertama ialah ritual budaya persembahan memerlukan kepada gotong royong kelompok kecil dari kalangan ahli keluarga sendiri dan saudara mara terdekat seperti ritual 'memanggil semangat' atau 'sambut semangat'. Bentuk gotong royong bagi kategori pertama ini dikenali sebagai 'kerja kecil'. Kategori kedua, ritual budaya persembahan yang memerlukan gotong royong dari orang kampung bagi membina bangsal atau panggung secara tradisional. Bentuk gotong royong bagi kategori kedua dikenali sebagai 'kerja besar' (Yusof, 2018). Dalam menyediakan jamuan dan sajian persembahan pula, segala kelengkapannya perlulah disediakan sendiri oleh kaum keluarga dan saudara mara yang terdekat (Abdul Rahman & Ahmad, 2017). Penekanan konsep gotong royong antara kekeluargaan dan penduduk tempatan dalam menjayakan sesebuah budaya persembahan adalah merupakan salah satu ciri kearifan tempatan di negeri Kelantan. Menurut al-Attas (1965), sifat gotong royong yang diamalkan oleh masyarakat Melayu merupakan salah satu perpaduan antara Islam dan kebudayaan Melayu.

v. Penetapan waktu dan lokasi persembahan

Di negeri Kelantan, apa jua budaya persembahan tidak dibenarkan untuk dilakukan pada malam Jumaat. Persembahan pada waktu malam pula perlu dimulakan setelah solat Isyak. Sepanjang bulan Ramadan, apa jua persembahan kesenian adalah tidak dibenarkan (Che Ibrahim, 2018). Dari aspek lokasi, contohnya dalam persembahan kebudayaan Wayang Kulit dielakkan berhampiran surau, kediaman, madrasah atau surau (Haji Bujang, 2007). Jelaslah disini bahawa budaya persembahan di negeri Kelantan dilaksanakan mengikut waktu dan lokasi tempatan yang bersesuaian agar tidak mengganggu keharmonian agama Islam sebagai agama anutan yang paling dominan di negara ini.

Metodologi

Kajian ini berasaskan kepada metode kualitatif sepenuhnya. Pengumpulan data yang dilakukan berpandukan kepada kaedah kepustakaan. Data-data yang dikumpul daripada sumber primer dan sekunder melibatkan rujukan terhadap Quran dan hadith, artikel lepas mahupun terkini serta dokumen

pejabat Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Melayu Kelantan. Data-data yang dikumpul melalui kaedah kepustakaan telah dianalisis secara tematik dan menghasilkan tema-tema tertentu berhubung kearifan tempatan dalam budaya kesenian tradisional Melayu Kelantan. Seterusnya analisis kearifan tempatan dalam budaya kesenian tradisional Melayu berpandukan kepada hukum syarak dilaksanakan dengan mengikut tema-tema yang telah dibentuk.

Analisis dan Perbincangan

Secara asasnya, syariat Islam mengiktiraf kearifan tempatan yang tidak bercanggah dengan hukum syarak (Widodo & Hamzah, 2024). Tambahan pula, struktur sosial di Nusantara yang mengalami peralihan fasa dari pra Islam kepada Islam memerlukan pendekatan yang lebih berhikmah dalam menangani kepelbagaian budaya, adat dan kepercayaan (Ashaari, Ibrahim & Abdul Ghani, 2024). Kearifan tempatan boleh dikategorikan sebagai *'urf* mengikut istilah ulama usul fikah (Syamsul, 2019). *'Urf* terbahagi kepada dua kategori utama iaitu *'urf ṣaḥīḥ* dan *'urf fāsīd*. *'Urf* yang boleh diguna pakai sebagai asas pertimbangan hukum syarak adalah *'urf ṣaḥīḥ*. Ianya merupakan *'urf* yang tidak bercanggah dengan hukum syarak. Manakala *'urf fāsīd* pula adalah *'urf* yang bercanggah dengan dalil syarak yang haram untuk diamalkan. Oleh yang demikian, semua aspek kearifan tempatan dalam persembahan tradisional di negeri Kelantan akan dinilai mengikut pertimbangan *'urf*. Semua aspek kearifan tempatan dalam budaya persembahan tradisional di negeri Kelantan yang dihuraikan di atas secara asasnya dikategorikan sebagai *'urf* sah kerana memiliki sandaran hukum yang jelas dalam Islam. Namun setiap sandaran tersebut memerlukan huraian yang lebih terperinci sebagaimana berikut.

Pertama, aspek jampi. Jampi sememangnya dianjurkan dalam Islam selagi mana lafaznya tidak melibatkan pemujaan terhadap makhluk halus serta mengandungi kata-kata yang membawa kekufuran (Md Ariffin, et al., 2013). Nabi SAW bersabda:

لا بُاسَ بِالرُّقِيِّ مَا لَمْ يَكُنْ فِيهِ شِرْكٌ

Terjemahan: "Tidak mengapa untuk mengamalkan jampi selagi mana tiada syirik"

(Sahih Muslim, 2200)

Namun jika jampi tersebut mengandungi lafaz-lafaz syirik, hukum menggunakan jampi tersebut adalah haram dan berdosa. Oleh yang demikian, jampi pada asasnya dikategorikan sebagai *'urf ṣaḥīḥ*. Namun ia boleh bertukar kepada *'urf fāsīd* jika terdapat elemen-elemen yang bercanggah dengan hukum syarak seperti mengandungi lafaz-lafaz yang syirik. Dalam konteks jampi tradisional Melayu Kelantan, penerimaan pengaruh Islam dalam kandungan lafaz jampi tidak boleh dijadikan sebagai penanda aras kepada keabsahan sesuatu jampi dari sudut hukum syarak kerana ia tidak diamalkan sebagaimana yang dianjurkan dalam Islam (Kasimin, 2006). Aspek kearifan tempatan yang berkaitan dengan akidah bukanlah satu elemen yang boleh diambil mudah (Opir et al., 2021). Oleh yang demikian, perlu dipastikan jampi yang diamalkan selari dengan prinsip syariah adalah sebagaimana yang digariskan dalam hadith Nabi SAW di atas iaitu tidak mengandungi lafaz-lafaz syirik.

Kedua, aspek tarian. Secara asasnya hukum tarian adalah harus berdasarkan tarian peralatan perang yang dipersembahkan oleh kaum Habsyah di hadapan baginda Nabi SAW (al-Ghazali, t.th.). Nabi SAW tidak mengingkari tarian tersebut, malah baginda mengajak isterinya Aisyah untuk menyaksikan persembahan tersebut dan menegah sahabatnya Umar daripada menghalang persembahan berkenaan (Jumaah, 2013). Namun jika tarian tersebut mengandungi elemen-elemen luar seperti pendedahan aurat, berlaku *ikhtilāf* dan memiliki kepercayaan tertentu yang bercanggah dengan hukum syarak, hukumnya adalah haram (al-Ghazali, 1993).

Dalam konteks budaya persembahan tradisional Melayu Kelantan, antara aspek kearifan tempatan yang diterapkan adalah penglibatan kaum keluarga dalam tari menari khususnya dalam upacara 'isih angin' dalam persembahan Main Puteri. Meskipun hanya kaum keluarga yang dilibatkan dalam upacara tersebut tetapi sesi tari menari yang dilakukan pada kebiasaannya secara terbuka yang menyebabkan ianya boleh ditonton oleh orang luar (Abd Rahman & Ahmad, 2017; Mustafa, 2022). Oleh yang demikian, amalan kebudayaan tersebut perlulah ditinggalkan bagi mengelakkan keburukan dan fitnah yang berlaku. Walau bagaimanapun, persembahan tarian Main Puteri yang diadakan bagi tujuan memenuhi keperluan hiburan dan mengekalkan warisan kebudayaan, perlu dipastikan semua individu yang terlibat adalah dari kalangan lelaki sahaja. Selain itu, gaya tarian perlu dijaga agar tidak melanggar

nilai akhlak dan tidak berperwatakan seperti wanita, menutup aurat serta menyisihkan apa jua kepercayaan dalam seni tarian yang boleh merosakkan akidah (Ahmad al Jafari & Ahmad al Jafari 2018).

Ketiga, aspek pakaian. Peraturan pakaian sememangnya ditetapkan sejak awal oleh syariat Islam. Sebarang bentuk pendedahan aurat adalah tidak dibenarkan bagi memelihara maruah diri dan aib manusia serta menutup segala pintu keburukan (Ismail, et al., 2016.). Firman Allah SWT:

وَقُلْ لِلْمُؤْمِنِينَ يَعْضُوا مِنْ أَبْصُرِهِمْ وَيَحْفَظُوا فُرُوجَهُمْ ذَلِكَ أَرْكَى لَهُمْ إِنَّ اللَّهَ خَبِيرٌ بِمَا يَصْنَعُونَ (٣٠)
 وَقُلْ لِلْمُؤْمِنَاتِ يَعْضُنَّ مِنْ أَبْصُرِهِنَّ وَيَحْفَظْنَ فُرُوجَهُنَّ وَلَا يُبْدِينَ زِينَتَهُنَّ إِلَّا مَا ظَهَرَ مِنْهَا وَلْيَضْرِبْنَ
 بِخُمُرِهِنَّ عَلَى جُيُوبِهِنَّ وَلَا يُبْدِينَ زِينَتَهُنَّ إِلَّا لِبُعُولَتِهِنَّ أَوْ آبَائِهِنَّ أَوْ أَبْنَائِهِنَّ أَوْ أَبْنَاءِ
 بُعُولَتِهِنَّ أَوْ إِخْوَانِهِنَّ أَوْ بَنِي إِخْوَانِهِنَّ أَوْ نِسَائِهِنَّ أَوْ مَا مَلَكَتْ أَيْمَانُهُنَّ أَوْ التَّبَاعِينَ غَيْرِ
 أُولِي إِلْرَبِيَّةٍ مِنَ الرِّجَالِ أَوْ الْوَالِدِينَ الَّذِينَ لَمْ يَظْهَرُوا عَلَى عَوْرَتِ النِّسَاءِ وَلَا يَضْرِبْنَ بِأَرْجُلِهِنَّ لِيُعْلَمَ مَا
 يُخْفِينَ مِنْ زِينَتِهِنَّ وَتُوبُوا إِلَى اللَّهِ جَمِيعًا أَيُّهُ الْمُؤْمِنُونَ لَعَلَّكُمْ تُفْلِحُونَ (٣١)

Terjemahan: Katakanlah (wahai Muhammad) kepada orang-orang lelaki yang beriman supaya mereka menyekat pandangan mereka (daripada memandang yang haram), dan memelihara kehormatan mereka. Yang demikian itu lebih suci bagi mereka; sesungguhnya Allah Amat Mendalam Pengetahuan-Nya tentang apa yang mereka kerjakan. (30) Dan katakanlah kepada perempuan-perempuan yang beriman supaya menyekat pandangan mereka (daripada memandang yang haram), dan memelihara kehormatan mereka; dan janganlah mereka memperlihatkan perhiasan tubuh mereka kecuali yang zahir daripadanya; dan hendaklah mereka menutup belahan leher bajunya dengan tudung kepala mereka; dan janganlah mereka memperlihatkan perhiasan tubuh mereka melainkan kepada suami mereka, atau bapa mereka atau bapa mertua mereka atau anak-anak mereka, atau anak-anak tiri mereka, atau saudara-saudara mereka, atau anak bagi saudara-saudara mereka yang lelaki, atau anak bagi saudara-saudara mereka yang perempuan, atau perempuan-perempuan Islam, atau hamba-hamba mereka, atau orang gaji dari orang-orang lelaki yang telah tua dan tidak berkeinginan kepada perempuan, atau kanak-kanak yang belum mengerti lagi tentang aurat perempuan; dan janganlah mereka menghentakkan kaki untuk diketahui orang akan apa yang tersembunyi dari perhiasan mereka; dan bertaubatlah kamu sekalian kepada Allah, wahai orang-orang yang beriman, supaya kamu berjaya.

(Surah al-Nur: 30-31)

Dalam ayat ini secara jelas memerintahkan bahawa lelaki dan wanita mukalaf perlu menutup aurat masing-masing (al-Baghawi, 1997). Dalam konteks pakaian dalam persembahan tradisional Melayu di negeri Kelantan, pakaian yang digunakan adalah bersesuaian dengan syariah iaitu baju Melayu bagi watak raja dan baju kebaya bagi watak Mak Yong. Walau bagaimanapun, bagi pakaian wanita, perlu dipastikan perlu menutup aurat secara sempurna seperti pakaian yang longgar yang tidak menampakkan bentuk tubuh badan dan warna kulit serta menutupi bahagian dada. Manakala bagi lelaki pula, pakaian yang diperbuat daripada kain sutera, memakai cincin emas dan memakai perhiasan wanita adalah wajib dihindari (Opir, et al., 2017).

Keempat, aspek kerjasama yang dizahirkan melalui gotong royong dalam budaya persembahan di negeri Kelantan secara asasnya dilihat tidak bercanggah dengan konsep hukum syarak. Hal ini kerana, sikap tolong menolong dan sikap kesalingan yang wujud antara ahli keluarga dan penduduk kampung merupakan suatu perkara yang baik menurut hukum syarak. Namun begitu, perlu dipastikan perkara yang ditolong tersebut merupakan perkara kebajikan, bukannya perkara maksiat. Jika melibatkan perkara maksiat, maka tolong menolong dalam hal ini adalah ditegah. Firman Allah SWT:

وَتَعَاوَنُوا عَلَى الْبِرِّ وَالتَّقْوَىٰ وَلَا تَعَاوَنُوا عَلَى الْإِثْمِ وَالْعُدْوَانِ

Terjemahan: “Dan hendaklah kamu bertolong-tolongan untuk membuat kebajikan dan bertaqwa, dan janganlah kamu bertolong-tolongan pada melakukan dosa (maksiat) dan pencerobohan”.

(Surah al-Maidah: 2)

Kelima, aspek penetapan waktu dan lokasi persembahan budaya adalah amat digalakkan kerana pemilihan waktu dan lokasi yang bersesuaian supaya dapat menjaga keharmonian Islam merupakan salah satu bentuk pengagungan terhadap syiar Islam. Hal ini bertepatan dengan fatwa Kelantan bahawa budaya sesebuah bangsa adalah tidak ditegah selagi mana ia tidak mengganggu dan mengancam keharmonian masyarakat. Oleh yang demikian, fatwa Kelantan memutuskan supaya budaya persembahan perlu dilakukan dalam kawasan masing-masing, dilakukan selepas waktu Isyak dan tidak mengganggu ketenteraman masyarakat Islam (Pejabat Mufti Kerajaan, 1997). Meskipun fatwa ini diputuskan dalam konteks budaya persembahan kaum Cina, namun ia terpakai dan relevan untuk apa jua persembahan kebudayaan di negeri Kelantan.

Kesimpulan

Peralihan dari fasa pra-Islam kepada fasa Islam di Kelantan mendorong kepada akulturasi budaya yang akhirnya membentuk satu identiti kearifan tempatan yang tersendiri. Kearifan tempatan yang diamalkan dalam budaya persembahan di negeri Kelantan dibahagikan kepada dua jenis *'urf* iaitu *ṣaḥīḥ* dan *'urf fasid*. *'Urf ṣaḥīḥ* merujuk kepada kearifan tempatan yang boleh diamalkan dan dikekalkan dalam sesebuah kebudayaan. Manakala *'urf fasid* pula merujuk kepada kearifan tempatan yang tidak boleh diamalkan dan perlu disisihkan kerana ianya bercanggah dengan prinsip-prinsip syariah. Secara keseluruhan, beberapa aspek kearifan tempatan dalam budaya persembahan tradisional Melayu perlu diselarakan dengan hukum syarak bagi memastikan kelangsungannya dapat dilestarikan untuk tatapan generasi masa hadapan.

Rujukan

- Abd Rahman, A. N. A & Ahmad, M. N. (2017). Faktor terapeutik dalam Main Peteri. *Jurnal Pengajian Melayu*, 28(1), 21-44.
- Ashaari, M. F, Ibrahim, N. A. & Abdul Ghani, M. Z. (2024). Pendekatan pendakwah dalam masyarakat multi-etnik: kajian kuantitatif di Sarawak. *Jurnal Islam dan Masyarakat Kontemporari*, 25(3), 26-38.
- Al-Attas, Syed Hussein. (1967). Islam dan Kebudayaan Melayu, Dalam Seminar Peradaban Islam Se-Malaysia. Eprints USM.
- Al-Baghawi, Abu Muhammad al-Husain bin Mas'ud. (1997). *Ma'ālim al-Tanzīl Fī Tafsīr al-Qurān*, Pnylg. Muhammad bin Abdillah al-Nimr, Uthman Jum'ah & Sulaiman Muslim. Riyadh: Dar al-Tayyibah li al-Nashr wa al-Tauzi'.
- Ahmad al Jafari, S. M. A. T. & Ahmad al Jafari, S. N. N. (2018). batasan tarian dalam majlis Maulud. *Journal of Fatwa Management and Research*, 13 (1), 52-75.
- Borhan. Z. A. (2006). Kesenian kebangsaan Malaysia: satu renungan terhadap pelestarian dan cabaran, dalam, Prosiding Persidangan Antarabangsa Pengajian Melayu. (hlm.15-24). E-Prints UM.
- Che Ibrahim. M. A. & Mohamad, S. (2018). Pelaksanaan dasar kesenian di negeri Kelantan dari tahun 1990 hingga 2015: analisis menurut siasah syar'iyah. *Jurnal Islam dan Masyarakat Kontemporari*, 17(1),87-102.
- Al-Ghazālī, M. (t.th.). *Ihyā' 'Ulum al-Dīn*. Beirut: Dar al-Ma'rifah.
- Al- Ghazālī, S. A. (1993). *Hukm Mumārasah al-Fan fi al-Shariah al-Islamiyyah: Dirāsah Fiqhiyyah Muqaranah*. Arab Saudi: Universiti Ummul Qura.
- Haji Bujang, R. (2007). Fungsi komunikasi dan estetika dalam persembahan teater tradisional wayang kulit, *Jurnal Pengajian Melayu (JOMAS)*, 18(1),135–156.

- Hamzah, A. H. Pangayan, B. V. & Z Md Rasip, Saifuddin. (2024). Jampi Melayu dalam manuskrip Tib Mss2515: Isu penulisan dan interpretasi budaya beragama masyarakat. *Jurnal Gendang Alam (GA)*. 14(2),43-62.
- Hanapi, M. S. (2016). Evolusi Tasawur Pemikiran Melayu: Kajian Historiografi. *Jurnal Perbadanan Adat Melayu dan Warisan Negeri Selangor*, 1(13),5-30
- Harmon, A. (2021). Understanding Local Wisdom: A Deep Dive into Cultural Heritage, dicapai pada Ogos, 14 2025 daripada <https://galaxy.ai/youtube-summarizer/understanding-local-wisdom-a-deep-dive-into-cultural-heritage-t1sgDqOZr9c>.
- Ishak, S. (2016). Seni Teater, dlm, Asas kebudayaan dan kesenian Melayu, Pylgr. Anwar Din, Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Ismail, S. K., Ahmad, R., Abdul Aziz, S. & Salman Amiruddin. (2016). Keperluan membuka aurat ketika rawatan antenatal menurut perspektif maqasid al-syari'ah. *Jurnal Islam dan Masyarakat Kontemporari*, 12(1),1-18
- Ismelina, M. F. R., Susanto, A. F., & Sudiro, A. (2024), The principle of local wisdom as a basic framework in the formation of cosmic religious environmental law. *Indonesia Law Review*, 14(2), 85-98.
- Jabatan Warisan Negara, Kementerian Pelancongan dan Kebudayaan Malaysia, Seni Persembahan Mak Yong dicapai daripada file:///C:/Users/LENOVO/Downloads/Butiran%20Mak%20Yong-3.pdf, pada 1 Januari 2026.
- Jumaah, A. (t.th.). Taudīh haul ḥadīth la' b al-Aḥbāsh fī Masjid al-Nabī 'alayhi al-salām. Dar al-Ifta al-Misriyyah. Dicapai pada Ogos 14, 2025, dari <https://www.dar-alifta.org/ar/fatwa/details/>.
- Kasimin, A. (2006). *Unsur-Unsur Menurun dalam Persembahan Teater Melayu Tradisional*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Lim, S. T. & Yusuf, M. S. (2019). *Menyingkap rahsia, merungkai mitos peteri: kesenian terapi tradisional*, Kelantan: Universiti Malaysia Kelantan.
- Marinsah, S. A., Hasbollah Hajimin, M. N. H. & Ramli, M. A. (2016). Unsur kearifan tempatan dalam adat kematian masyarakat bajau di sabah: analisis dari perspektif hukum Islam, *MANU*, 29(Jun), 51-69.
- Marinsah, S. A. (2017). *Unsur sinkretisme dalam uruf dan adat masyarakat Bajau di Sabah: Analisis dari perspektif hukum Islam*. Kuala Lumpur: Akademi Pengajian Islam.
- Mustafa, K. B., (2022). Ritual penyembuhan penyakit dalam main peteri di Kampung Paloh, Kelantan, *Jurnal Melayu*, 21(2),32-50
- Mohd Zaki, A. A., Mad Hajat Din, A. F., Shahrudin, Z. F. & Sulaiman, S. (2024). Konsep kesenian Islam: Prinsip kesenian berlandaskan al-Quran dan al-Sunnah. Dalam E-Prosiding Seminar Kearifan Nusantara Kali Ke-5. Fakulti Pengajian Quran dan Sunnah, Universiti Sains Islam Malaysia.
- Suan, C. L. & Kamarul Azlan, M.A. (2018). *Surviving Kelantanese Makyung*. Kelantan: Universiti of Malaya Press.
- Surat No. MRS. Kn 01/04:02 bertarikh 28 Januari 1997, Dokumen Pejabat Mufti Kerajaan Kelantan.
- Md Ariffin, M. F., Ahmad, K., Samsudin, N. I., Ismail, M.Z. & Rosele, M. I. (2013). Seni perubatan alternatif di Malaysia: Analisis permasalahan metode rawatan. *Global Journal Al-Thaqafah*, 3(2), 79-90.
- Muslim ibn al-Ḥajjāj. (t.th.). *Al-Musnad al-Sahih al-Mukhtasar Bi Naql al-'Adl 'an al-Adl Ila Rasulillah Sallahu 'Alaihi Wasallam*. Pylgr. Muhammad Fuad Abd Baqi, Beirut: Dar Ihya' al-Turat al-Arabi.
- Nasir, M. A. (2019). Revisiting the Javanese muslim slametan, Islam, local tradition, honor and symbolic communication, *Al-Jāmi'ah: Journal of Islamic Studies*, 57(2),329-358.
- Nasuruddin, M. G. (1994). *Tarian Melayu*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Opir, H., Mohammed Yusof, Sahri, M. & Abdullah, W. Y (2021). Analisa kepatuhan syariah dalam aspek akidah: kajian khusus filem Munafik 1. *Journal of Fatwa Management and Research*, 26(2),131-143.
- Opir, H., Mohammed Yusof, Abdullah, L. & Abdullah, W. Y. (2017). Kriteria Patuh Syariah dalam Filem Berasaskan Hukum Fiqh: Satu Kajian Awal. *Journal of Contemporary Islamic Studies*, 3(2),151-167

- Setiawan, H., (2023). Development of local wisdom culture in the learning of Indonesian literature. Dalam Prosiding PBSI IKIP Siliwangi. (hlm.102-112).
- Sholehuddin, M. S., Hardini, I., Jaeni, M., Sofa, E. M., & Ho, T. T. H. (2025). The role of local wisdom in shaping internationalisation strategies of Islamic higher education institutions in Indonesia. *Intellectual Discourse*, 33(2), 607–6
- Sweeney, A. (2020). *Budaya Lisan Melayu: Konsep dan Amalan*. Terj. Dian Saleh. Kuala Lumpur: IBDE Ilham Sdn Bhd.
- Widodo, P. & Hamzah. (2024). Strategies for Preserving Local Wisdom in Islam and Its Implementation in Indonesia. *Journal of Indonesian Islamic Studies*, 3(2), 51 – 64.
- Wahyu, W. (2021). Local wisdom in Banjarese culture perspective. *Advances in Social Science, Education and Humanities Research*, 636 (ACEC), 648-653.
- Yusoff, W. A. K. (1985). Kedudukan tarian melayu tradisi dalam proses perubahan budaya sebelum perang dunia kedua. *Jurnal Alam dan Tamadun Melayu*, 3 (1),23 – 40.
- Yusof, G.S. (2018). *Mak Yong Through the Ages: Kelantan's Traditional Dance Theatre*. Kelantan: Universiti of Malaya Press.